



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

KITASELANGOR

KENYATAAN MEDIA

SELANGOR KOMITED PERKUKUH USAHA KELESTARIAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

SHAH ALAM, 24 OKTOBER 2025 — Kerajaan Negeri Selangor terus memperkukuh komitmen terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan lestari melalui penganjuran *Karnival Alam Sekitar Negeri Selangor 2025* di Elmina Lakeside Mall hari ini.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor.

Dalam ucapannya, YB Jamaliah berkata karnival ini merupakan kesinambungan kepada tiga siri Kempen Bebas Plastik yang telah berjaya dianjurkan sepenuhnya tanpa penggunaan plastik sekali guna, sekali gus membuktikan bahawa acara besar mampu berjalan dengan lancar dan meriah dengan pendekatan mesra alam.

Karnival kali ini menampilkan 13 reruai pameran melibatkan agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta dengan pelbagai aktiviti diadakan seperti Fun Run 3KM, kuiz interaktif, Recycle Exchange serta program pendidikan alam sekitar.

Menurut YB Jamaliah, sebagai negeri yang pesat membangun, Selangor berdepan cabaran besar untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar. Justeru, Kerajaan Negeri komited melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif ke arah ekonomi hijau dan pembangunan mampan, tanpa menjejaskan kesejahteraan rakyat serta kemajuan ekonomi negeri.

Antara inisiatif utama sedang dilaksanakan termasuk pembangunan Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor yang menggariskan 10 Teras Strategik dan 70 Tindakan Utama, penstrukturan semula Majlis Iklim Selangor yang kini dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar, serta penubuhan Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Selangor (SCAC) sebagai pusat penyelidikan dan tadbir urus berasaskan data.

SCAC kini bekerjasama dengan Monash University Malaysia menerusi projek *Climate Action for a Resilient Asia* yang dibiayai Kerajaan United Kingdom bagi meningkatkan daya tahan komuniti terhadap impak perubahan iklim dalam sektor air, tenaga, makanan dan alam sekitar.

Selain itu, program Selangor Kitar Semula (SELKitar) yang diperkenalkan tahun ini yang bermula di Subang Jaya dan Sepang, kini diperluas ke tujuh PBT lain melibatkan lebih 200,000 isi rumah, sementara program Kitar Semula e-Waste berjaya mengumpul 17,880 kilogram sisa elektronik di seluruh negeri.

Tambah YB Jamaliah, pelaksanaan Dasar Pelepasan Sifar (Zero Discharge Policy) oleh LUAS sejak September 2024 telah menunjukkan hasil positif apabila hanya 39 kes kecemasan direkodkan dalam tempoh setahun, menurun hampir 40% berbanding tahun sebelumnya — sekali gus menandakan keberkesanan pendekatan pengurusan sumber air yang lebih lestari.

Dalam masa sama, menurut beliau, Kerajaan Negeri kini di peringkat akhir menguatkuasakan pindaan undang-undang kecil berkaitan pengurusan sisa dan penggunaan plastik. Melalui pindaan ini, syarat lesen perniagaan akan dipinda bagi memastikan semua premis komersial terlibat dalam usaha Selangor bebas plastik menjelang tahun 2030.

Dalam memperkasa peranan generasi muda, Kerajaan Negeri bakal melancarkan Program Sekolah – Rakan Bumi Selangor, yang memberi tumpuan kepada pendidikan perubahan iklim dan tindakan hijau di sekolah menengah. Program ini merangkumi dua pertandingan utama iaitu *Penceritaan Iklim* dan *Projek Tindakan Iklim Rakan Bumi*, yang menyasarkan penyertaan lebih 1,000 pelajar dari 50 sekolah di seluruh negeri dengan sokongan pelbagai agensi dan rakan strategik.

YB Jamaliah menegaskan bahawa kemajuan sebenar hanya dapat dicapai apabila pembangunan fizikal dilaksanakan seiring dengan usaha memelihara alam semula jadi. “Kemajuan tanpa keseimbangan dengan alam hanyalah sementara, namun pembangunan yang lestari akan menjamin kesejahteraan rakyat serta masa depan generasi akan datang,” katanya.